

Gejala buang bayi elak berleluasa

MIS 24 Berita Harian 2010

AHAD lalu, kita digemparkan lagi dengan penemuan mayat serorang bayi di Rawang. Hampir setiap minggu perkara sama berulang dan tidak mustahil jika angka kejadian sebenarnya jauh lebih tinggi daripada yang dilaporkan, tidak termasuk mayat yang tidak ditemui.

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah yang dilihat semakin menular ini? Haruskah kita hanya bersuara dan menunjukkan simpati? Atau menuding jari kepada pihak terbabit dan meminta kerajaan menghukum mereka yang terbabit dengan hukuman berat?

Persoalannya adakah hukuman berat akan dapat menangani masalah ini daripada berulang. Sebenarnya, menghalang gejala buang bayi ini terjadi adalah lebih penting daripada hukuman

berat itu sendiri. Disarankan agar Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) bersatu, bekerjasama menangani masalah ini.

Mereka harus turun padang dan bertemu orang ramai khasnya remaja untuk menerangkan usaha yang mereka lakukan.

Risalah mengenai gejala ini hendaklah disampaikan pada orang ramai setiap minggu. Papan iklan mengenai gejala ini harus didirikan untuk mengingatkan orang ramai gejala membuang bayi ini.

Di dalam risalah dan papan iklan itu boleh diselitkan mengenai badan kaunseling, kebajikan, usaha membantu wanita mengandung dan perkara positif bagi membantu mereka yang mengandung dan dipinggirkan keluarga daripada melakukan perkara

tidak diingini.

Oleh kerana tiada pihak yang datang menghampiri mereka dan menghulurkan bantuan adalah salah satu sebab terjadinya gejala membuang bayi yang berleluasa sejak kebelakangan ini. Mungkin ada pihak mengatakan, jika dihulurkan bantuan maka akan ramai lagi yang mengambil kesempatan melakukan maksiat.

Kenyataan ini ada benarnya tetapi jika orang ramai khasnya remaja dapat menerima mesej yang cuba disampaikan dan usaha ke arah itu benar-benar diambil serius, usaha kerajaan dan badan NGO ini akan membuahkan hasil dan sekurang-kurangnya kita dapat melihat penurunan peratusan mengenai gejala ini sebagai permulaan.

Mereka yang melakukan perkara membuang bayi ini

sebenarnya memerlukan tempat untuk mereka mengadu dan berlindung. Kebanyakan keluarga tidak dapat menerima kenyataan ini dan mereka lebih rela 'membuang' anak mereka daripada mereka mendapat malu dan diaibkan masyarakat.

Di manakah harus mereka pergi untuk mendapatkan pertolongan? Bagaimanakah untuk membesarkan anak yang mereka kandung tanpa mendapat tunjuk ajar mereka yang prihatin, sedangkan pasangan ini tidak mahu bertanggungjawab dan menghi-langkan diri.

Kebuntuan memikirkan masalah inilah mendorong mereka melakukan perkara negatif yang kita dengar sabban hari.

FARID MALIK,
Kuala Lumpur.



Ganti papan tanda papar seni bina masjid lusuh

Masjid Negeri Shah Alam menjadi antara mercu tanda di bandar raya itu dan menjadi tumpuan masyarakat termasuk pelancong asing, keindahan dan keunikan seni binanya amat mengagumkan. Namun, ia nampak ada kecacatan apabila papan tanda yang memaparkan gambar seni bina masjid itu yang dipacak di luar pekarangan sudah pudar. Pihak berkuasa perlu menggantikan supaya serinya kawasan persekitaran terus terpelihara.

ROSJUN MAT TAHIR / BERITA HARIAN